

info

usahawan

issue
1/21

nota minda masmed

penjenamaan
semula

fenomena
zamsaham

elon
musk.

VISIONARI
MEREVOLUSI
DUNIA



Isu graduan menganggur bukan merupakan satu isu baharu. Namun, setelah dunia dilanda pandemik Covid-19, isu ini telah menjadi lebih teruk dimana pelbagai industri serata dunia termasuk Malaysia terpaksa memberhentikan para pekerja mereka dan mengecilkan perniagaan. Oleh yang demikian, ramai orang termasuk graduan baharu yang tidak mempunyai pengalaman kerja terpaksa menjadi penganggur.

Diantara punca yang menyumbangkan kepada kadar pengangguran graduan adalah graduan terlalu memilih kerjaya serta lokasi untuk mendapat perkerjaan, yang menjadikan majikan sukar memberikan pekerjaan kepada fresh graduates (Bernama, 15 September 2020). Jumlah penganggur di Malaysia meningkat 17.10 peratus kepada 610,500 orang dengan kadar pengangguran 3.90 peratus pada Mac 2020, menurut statistik utama tenaga buruh, keluaran Jabatan Perangkaan (Malaysiakini, 8 May 2020).

Oleh yang demikian, kerajaan telah menyeru rakyat untuk menjadi lebih kreatif dalam menjana pendapatan lebih-lebih lagi dalam keadaan situasi dunia yang masih belum pulih dari serangan pandemik Covid-19. Justeru, ramai graduan memilih untuk menjana pendapatan melalui bidang keusahawanan. Dengan bantuan yang diberikan oleh kerajaan, lebih ramai

graduan kini memilih untuk berniaga. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) membuat pelbagai inisiatif diantaranya ialah Technopreneurship Programs for Fresh Graduate, iaitu program rintis kerjasama antara MEDAC dengan Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC). Program ini membangunkan kemahiran dan pengetahuan graduan mengenai teknologi 4.0 dan seterusnya berpotensi memberi peluang pekerjaan, selain menceburi bidang keusahawanan teknologi (Mohd Iskandar Ibrahim, Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosli, 2020). Selain sukar mendapatkan pekerjaan, terdapat beberapa faktor lain menjadi pemangkin kepada lebih ramai graduan memilih untuk menjadi usahawan. Pelbagai kajian telah dilaksanakan dan didapati faktor latar belakang keluarga, faktor sikap dan faktor kemahiran menjadi pendorong kepada graduan untuk memilih kerjaya sebagai usahawan. Diantara faktor-faktor tersebut, faktor kemahiran merupakan faktor terpenting dalam mempengaruhi mereka menjadi seorang usahawan.

Berbekalkan kemahiran ICT, perniagaan online seperti dropship yang tidak memerlukan modal permulaan, tidak perlu memegang stok serta pos dilakukan oleh pemilik menjadi pilihan utama graduan yang baru berjinak-jinak dalam dunia perniagaan. Ianya lebih selamat dan risk free. Bagi yang sudah mempunyai sedikit pengalaman dan modal pula memilih untuk menjadi

agen. Dengan menjadi agen, usahawan akan memegang stok barang, membuat pengeposan atau penghantaran barang-barang ke pembeli serta menjawab persoalan-persoalan pembeli. Agen mempunyai margin keuntungan yang lebih besar seiring dengan tanggungjawab yang lebih banyak. Ramai graduan yang sudah lebih setahun menjadi dropshipper akan memilih untuk menjadi agen untuk perkembangan perniagaan mereka.

Masyarakat Malaysia akan lebih maju sekiranya ramai menjadi usahawan kerana ciri-ciri seorang usahawan adalah berdaya saing, kreatif, inovatif dan tidak menyerah kalah. Graduan yang ingin

berjaya dalam bidang keusahawanan haruslah memupuk ciri-ciri tersebut selain sentiasa mencari ilmu dan peluang baru untuk berada selaras dengan perkembangan ekonomi dan teknologi dunia. Dunia kian berubah pantas, maka mahasiswa perlu tangkas dan berdaya saing supaya kekal berjaya dan mampu membina empayar perniagaan mereka sendiri, suatu hari nanti.

graduan memilih keusahawanan sebagai kerjaya?

Sarah Sabir Ahmad¹, Azfahane Zakaria², Mhd Azmin Mat Seman²

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Kedah, Kampus Merbuk, Kedah

²Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah, Malaysia